

CNS1871

U GB 27-07 00154 BA188

aab

Parlimen - Proton

MENGAPA KERETA PROTON DI BRITAIN MURAH

KUALA LUMPUR, 27 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kereta Proton yang dijual di Britain murah berbanding dengan yang dijual di negara ini kerana negara itu tidak mengenakan cukai import bagi kereta itu yang datang dari sebuah negara sedang membangun.

"Memandangkan cukai import tidak dikenakan, negara itu mampu menjual kereta itu dengan harga murah," katanya ketika menjawab soalan tambahan Encik Lim Guan Eng (DAP-Kota Melaka) di Dewan Rakyat hari ini.

Katanya, penjualan Proton yang murah di luar negara itu juga adalah satu cara untuk mendapat tukaran asing.

Semua negara mahukan tukaran asing walaupun sesetengah negara terpaksa memberi subsidi bagi eksport mereka, tambahnya.

"Kita juga sama dengan negara lain, sebab itu kita kenakan bayaran yang serendah-serendahnya tetapi tidaklah merugikan. Ini adalah amalan biasa," katanya. -- Lagi.

▼27/07/17-02MST

U GB 27-07 00164 BA189

aab

Parlimen - Proton 2 Kuala Lumpur

Ketika menjawab soalan tambahan Encik Hamzah Mohd Zain (BN-Tasek Chenderoh) beliau berkata pembinaan kilang kereta nasional di luar negara akan hanya dibuat jika ada nilai keuntungan dan pasaran yang baik.

Dr Mahathir turut menjawab serentak soalan asal mengenai kereta nasional itu daripada empat anggota dewan.

Kepada soalan Datuk Abu Bakar Rautin Ibrahim (BN-Kuala Kedah) beliau berkata mulai Julai lepas, Proton merancang untuk mengeluarkan sebanyak 90 peratus daripada kapasitinya untuk Proton Wira dan bakinya untuk Proton Iswara.

Beliau juga berkata walaupun Proton Wira belum diseksport, tempahan telah diterima dari Singapura dan Britain.

Kepada soalan Encik Ibrahim Pateh Mohd (S.46-Tanah Merah) Perdana Menteri berkata Proton telah membelanjakan kira-kira RM100 juta hingga RM120 juta untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam tempoh tiga tahun mulai 1990.

Kepada soalan Che Ibrahim Mustafa (BN-Sungai Petani), beliau berkata setakat ini sebanyak 10,700 kereta Proton Wira telah dikeluarkan. -- Lagi.

▼27/07/17-03MST

CNS1876

U GB 27-07 00147 BA190

aab

Parlimen - Proton 3 (akhir) Kuala Lumpur

Katanya, Proton Wira dijangka akan mula dieksport tiga bulan lagi.

Semasa menjawab soalan Encik Shahidan Kassim (BN-Arau), beliau berkata keputusan mengenai kategori atau kapasiti enjin dan reka bentuk kereta yang hendak dikeluarkan oleh sesuatu pembuat perlu diasaskan kepada pertimbangan perniagaan khususnya sama ada sesuatu model itu dapat dijual dengan bilangan yang boleh membawa keuntungan.

Perdana Menteri berkata sehingga ini Proton belum menerima permohonan dari mana-mana pihak untuk mengeluarkan model yang mempunyai enjin yang berkuasa lebih tinggi.

Namun untuk Proton Wira, kapasiti enjin telah dinaikkan daripada 1500cc kepada 1600cc.

"Dengan beberapa perubahan itu, tidak ada masalah untuk memasang enjin 1800cc jika ada permintaan," katanya.

Beliau berkata pada waktu ini, Proton belum merancang untuk mengeluarkan kereta khas yang mempunyai kuasa lebih tinggi. -- Bernama  
NZ NMO.

▼27/07/17-06MST